

MAHATHIR-PELABURAN

(E)

1982

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD. HARI INI MEMBERITAHU PARA EKSEKUTIF KANAN PERBADANAN PELABAGAI-NEGARA DASAR-DASAR PELABURAN MALAYSIA TIDAK SEHARUSNYA MENGHALANG MEREKA DARIPADA MELABUR DI NEGARA INI.

BELIAU MENJELASKAN KEPADA MEREKA TENTANG DASAR EKONOMI BARU, AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN DAN DASAR-DASAR LAIN KERAJAAN, BAGAIMANA IA DILAKSANAKAN DAN KESANNYA KE ATAS PELABURAN.

BELIAU JUGA MENERANGKAN KEPADA MEREKA MENGENAI SEKATAN MEREKA MUNGKIN MENGHADAPI DAN PELUANG-PELUANG YANG TERDAPAT DI MALAYSIA, DAN DALAM PADA ITU TELAH MENJAWAB BANYAK PERTANYAAN.

PARA EKSEKUTIF KANAN SERAMAI 63 ORANG ITU MEWAKILI 50 BUAH PERBADANAN PELBAGAINEGARA BERADA DI SINI UNTUK MENGHADIRI PERSIDAM

ANJURAN BUSINESS INTERNASIONAL, SEBUAH PERTUBUHAN SWASTA YANG MENYEDIAKAN KHIDMAT MAKLUMAT PENGURUSAN PROFESIONAL KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENGURUSKAN PERNIAGAAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MEMBERITAHU PARA PEMBERITA: +MEREKA BERMINAT MELABUR DI MALAYSIA, DAN KAMI MAHUKAN MEREKA MELABUR DI MALAYSIA. +---BERSAMBUNG 1924/HM

B666

MAHATHIR-PELABURAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENEMUI PARA EKSEKUTIF ITU HAMPIR DUA JAM DAN KEADAAN DI NEGARA INI SERTA PROSPEK-PROSPEK DI MASA DEPAN JUGA DIBINCANGKAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEPADA MEREKA BAHAWA KEADAAN MALAYSIA SELAMA INI STABIL DAN AKAN TERUS STABIL.

DIMINTA OLEH PARA PEMBERITA UNTUK MENGULAS TENTANG Hujung MINGGU SERAGAM AKAN DIPERKENALKAN DI SELURUH NEGARA TIDAK LAMA LAGI, BELIAU MEMBERITAHU ITU TIDAK PERNAH MENJADI NIAT KERAJAAN.

PRESIDEN GOODYEAR INTERNATIONAL INC. ENCIK I.B. THOMSEN YANG MEMPENGERUSIKAN PERTEMUAN ITU DENGAN PERDANA MENTERI BERKATA PARA PENIAGA TERSEBUT MENDAPATI PERSIDANGAN ITU AMAT BERGUNA.

PENYERTAAN DAN SIKAP BERTERUS TERANG KERAJAAN DALAM MEMBINCANGKAN APA YANG BOLEH DIANGGAP ISU-ISU SENSITIF MENCERMINKAN SIKAP YANG DILIHAT OLEH PARA PELABUR ASING DI MALAYSIA.--BERSAMBUNG 1935/HM

MAHATHIR-PELABURAN 3 KUALA LUMPUR

PERSIDANGAN ITU JUGA MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, PETRONAS DAN MIDA HARI INI.

ESOK, PARA EKSEKUTIF TERSEBUT AKAN MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN, KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA, DAN JAWATAN-KUASA PELABURAN ASING.

KEBANYAKAN PERBADANAN YANG DIWAKILI ITU ADALAH DARI AMERIKA SYARIKAT DENGAN PENYERTAAN JUGA DARI EROPAH, AUSTRALIA DAN JEPUN.

MENURUT SATU KENYATAAN AKHBAR DARIPADA PIHAK PENGANJUR, PERSIDANGAN TERTUTUP ITU AKAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA SOAL KEPENTINGAN BERSAMA MENGENAI IKLIM PERNIAGAAN TEMPATAN BAGI PELABUR ANTARABANGSA.

PARA PEGAWAI MALAYSIA YANG MENYERTAINYA TERMASUK MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK PAUL LEONG, PENERUSI PERMODALAN NASIONAL BERHAD TUN ISMAIL ALI, PENERUSI PETRONAS TAN SRI ABDULLAH SALLEH, DAN PENERUSI PERBADANAN INDUSTRI BERAT MALAYSIA (HICOM) TAN SRI JAMIL JAN.--BERSAMBUNG 2030/HM

B673

MAHATHIR-PELABURAN 4 KUALA LUMPUR

ANTARA PERBADANAN YANG MENGAMBIL BAHAGIAN IALAH YANG MENGUSAHAKAN BARANG-BARANG PENGGUNA, TEKNOLOGI TINGGI, ELETRONIK, PERLOMBONGAN, BAHAN-BAHAN KIMIA DAN JENTERA BERAT.

RAMAI DI ANTARA MEREKA MEMPUNYAI PELABURAN LUAS DI MALAYSIA SEMENTARA YANG LAIN MENINJAU PELUANG BUAT PERTAMA KALINYA.

--BERNAMA 2032/HM